

**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

**MENTERI**

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM  
NEGERI &**

**HAL EHWAL PENGGUNA**

**MAJLIS ANUGERAH HARTA INTELEK  
NEGARA 2018**

**13 SEPTEMBER 2018 (KHAMIS)**

**DEWAN TUN ABDUL RAZAK,  
MENARA BERKEMBAR BANK RAKYAT**

**BISMILAH...**

**TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS,**

**ASSALAMUALAIKUM W.B.T DAN SALAM SEJAHTERA**

- **YBHG. DATO' SRI JAMIL BIN SALLEH**  
**KETUA SETIAUSAHA KPDNHEP**
  
- **YBHG. DATO' BASARUDDIN BIN SADALI**  
**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PERDAGANGAN DALAM**  
**NEGERI)**
  
- **YBHG. DATUK MUEZ BIN ABD. AZIZ**  
**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (KEPENGUNAAN DAN**  
**PENGURUSAN)**
  
- **YBHG. TUAN HAJI MOHD. SHAHAR BIN OSMAN**  
**TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN),**  
**PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA**
  
- **KETUA-KETUA AGENSI DAN JABATAN**

- **ANGGOTA-ANGGOTA PERBADANAN MYIPO**
- **WAKIL-WAKIL MEDIA**
- **PENERIMA-PENERIMA ANUGERAH HARTA INTELEK NEGARA 2018**

**ALHAMDULILLAH, SEGALA PUJI DAN SYUKUR KE HADRAT ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN INAYAH-NYA JUA KITA DAPAT HADIR BERSAMA-SAMA DI MAJLIS ANUGERAH HARTA INTELEK NEGARA 2018 PADA HARI INI.**

**PERTAMA KALI SAYA KE MAJLIS ANUGERAH HARTA INTELEK NEGARA YANG DIADAKAN BERSEMPENA SAMBUTAN HARI HARTA INTELEK NEGARA PADA TAHUN INI. TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA KPDNHEP BERSAMA PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MYIPO) YANG MENGANJURKAN MAJLIS ANUGERAH INI BUAT KALI KE-13, BAGI MERAIKAN PARA PEREKACIPTA, PENCIPTA DAN INOVATOR RAKYAT MALAYSIA.**

**BERSESUAIAN DENGAN TEMA PADA TAHUN INI IAITU “HARTA INTELEK TEMPATAN KE PERSADA DUNIA”, MAJLIS INI SATU MEDIUM UNTUK MENGETENGAHKAN HASIL KREATIVITI DAN INOVASI RAKYAT TEMPATAN SERTA MENGGALAKKAN LEBIH**

**BANYAK PENGHASILAN HARTA INTELEK YANG BERPOTENSI UNTUK DIKOMERSIALKAN KE PERINGKAT ANTARABANGSA.**

**INGIN SAYA KONGSIKAN BEBERAPA CIPTAAN ANAK MALAYSIA YANG TELAH BERJAYA DI PERINGKAT ANTARABANGSA SEPERTI FLASH DRIVE YANG KITA GUNAKAN UNTUK MENYIMPAN DATA SECARA DIGITAL DAN BOLEH DIBAWA KEMANA-MANA ADALAH HASIL CIPTAAN ANAK TEMPATAN. BELIAU JUGA BERJAYA MEWUJUDKAN SYARIKATNYA SENDIRI UNTUK MENGGOMERSIALKAN PRODUK TERSEBUT KE SELURUH DUNIA.**

**POLYCLONE RUBBER STAMP MACHINE, YANG MEMENANGI MEDAL EMAS DALAM INTERNATIONAL INVENTION COMPETITION DI GENEVA DAN NEHEMIAH WALLS IAITU BLOK BERBENTUK HEKSAGON YANG KITA LIHAT DI SEPANJANG SUSUR BERTINGKAT JALANRAYA JUGA MERUPAKAN CIPTAAN ANAK MALAYSIA DAN TURUT DIGUNAKAN DI SINGAPURA, AUSTRALIA DAN HONG KONG.**

**KITA SERING MENGANGGAP BAHAWA REKACIPTA ADALAH SESUATU YANG TERLALU TEKNIKAL DAN RUMIT. TETAPI, REKACIPTA YANG MUDAH JUGA MAMPU DIKETENGAHKAN UNTUK DIKOMERSIALKAN SERTA DAPAT MEMBERI PULANGAN YANG MENGUNTUNGAN KEPADA PEMILIK.**

**SEPERTI AUTOMATIC EGG BOILER YANG DIREKACIPTA OLEH ANAK TEMPATAN BERDASARKAN BEBERAPA UJIAN YANG DIJALANKAN DENGAN MENGGUNAKAN TIN SEHINGGA TERHASILNYA PRODUK YANG SEMPURNA DAN BOLEH DIKOMERSIALKAN. BEGITU JUGA FLIPPER TOOTBRUSH HOLDER YANG TELAH DIPATENKAN DI SELURUH DUNIA DAN PEREKACIPTANYA MAMPU MENJANA PENDAPATAN YANG MENGUNTUNGKAN.**

**SETELAH 15 TAHUN MYIPO DIWUJUDKAN, HARTA INTELEK BUKAN LAGI ASING DI KALANGAN RAKYAT MALAYSIA, BAIK ORANG AWAM, PARA USAHAWAN, AHLI AKADEMIK MAHU PUN PELAJAR SEKOLAH TELAH MENGETAHUI KEPENTINGAN HARTA INTELEK DAN SUMBANGANNYA DALAM KEMAJUAN EKONOMI DAN PERKEMBANGAN SOSIAL NEGARA.**

**ISU BERKAITAN PERLINDUNGAN HARTA INTELEK JUGA SERING DIBINCANGKAN DALAM PERJANJIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN TURUT MENJADI ANTARA KRITERIA DAN PETUNJUK DALAM MENENTUKAN KEDUDUKAN INOVASI DAN DAYA SAING NEGARA.**

**PADA TAHUN INI, KEDUDUKAN MALAYSIA DALAM GLOBAL INNOVATION INDEX NAIK KE TANGGA KE-35 DARIPADA KESELURUHAN 126 NEGARA BERBANDING KEDUDUKAN KE-37 PADA 2017. ANTARA PETUNJUK YANG DIAMBIL KIRA DALAM MENGUKUR DAN MENENTUKAN KEDUDUKAN INI ADALAH**

**JUMLAH PEMFAILAN PATEN, PERBAHARUAN UTILITI, CAP DAGANGAN DAN REKA BENTUK PERINDUSTRIAN DI MALAYSIA.**

**BAGI GLOBAL COMPETITIVENESS REPORT 2017-2018, MALAYSIA BERADA PADA KEDUDUKAN KE-23 BERBANDING KE-25 PADA 2016-2017. SELAIN PETUNJUK BERDASARKAN KAJISELIDIK YANG MENENTUKAN PERSEPSI BERKAITAN PERLINDUNGAN HARTA INTELEK, JUMLAH PEMFAILAN PATEN MELALUI SISTEM PATENT COOPERATION TREATY JUGA MERUPAKAN ANTARA PETUNJUK YANG DIAMBIL KIRA BAGI MENENTUKAN KEDUDUKAN DAYA SAING 137 NEGARA.**

**SEMAKIN BAIK KEDUDUKAN MALAYSIA DALAM KEDUA-DUA INDEKS TERSEBUT, SEMAKIN TINGGI KEYAKINAN PELABUR TERHADAP STANDARD PERLINDUNGAN HAK HARTA INTELEK DI NEGARA INI. SETERUSNYA, MENARIK PELABURAN KE DALAM NEGARA YANG AKAN MERANCAKKAN EKONOMI DAN MEMBUKA LEBIH BANYAK PELUANG PEKERJAAN UNTUK RAKYAT MALAYSIA.**

**KERAJAAN KOMITED UNTUK MENYEDIAKAN EKOSISTEM HARTA INTELEK YANG KOMPREHENSIF SUPAYA RAKYAT MALAYSIA DAPAT MENINGKATKAN HASIL KREATIVITI DAN INOVASI DAN SETERUSNYA MENJADIKAN MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH IP BASED NATION SEBAGAIMANA NEGARA JEPUN DAN CHINA UNTUK DITELADANI.**

**SEIRING DENGAN ERA PENDIGITALAN, KEDUDUKAN MALAYSIA DALAM BIDANG TEKNOLOGI, KOMUNIKASI DAN DIGITAL DI KALANGAN NEGARA ANGGOTA ASEAN DAN ASIA MASIH BOLEH DIBANGGAKAN. ANTARANYA, MALAYSIA MERUPAKAN NEGARA ASEAN KE-2 DALAM SENARAI DIGITAL EVOLUTION INDEX 2017.**

**MALAYSIA TURUT DIKENALPASTI OLEH 2016 THOMSON REUTERS POLL SEBAGAI NEGARA KE-9 TERBAIK DI DUNIA UNTUK GOLONGAN BELIA CELIK TEKNOLOGI MENJADI SOCIAL ENTREPRENEUR. SAYA PERCAYA DATA-DATA YANG DIPEROLEHI DAN DITAFSIRKAN DALAM INDEKS-INDEKS TERSEBUT JELAS MENUNJUKKAN BAHAWA RAKYAT MALAYSIA SEMAKIN MAJU KE HADAPAN DAN TELAH BERSEDIA UNTUK MEMBAWA “HARTA INTELEK TEMPATAN KE PERSADA DUNIA”.**

**ANTARA YANG BOLEH DIBANGGAKAN ADALAH BILA MANA GLC TEMPATAN IAITU MIMOS BHD BERADA KEDUDUKAN KE-15 DARI 30 TERTINGGI PERMOHONAN PCT ANTARA KERAJAAN DAN INSTITUT PENYELIDIKAN DI DUNIA DALAM BIDANG ICT PADA TAHUN 2017.**

**PADA 2017, SEJUMLAH 50,188 PERMOHONAN HARTA INTELEK TELAH DIFAILKAN DI MALAYSIA DENGAN PENINGKATAN SEBANYAK 4.3 PERATUS BERBANDING 2016. DARIPADA JUMLAH TERSEBUT, 42 PERATUS ADALAH PERMOHONAN HARTA INTELEK**

**TEMPATAN YANG TERDIRI DARIPADA PERMOHONAN PATEN, CAP DAGANGAN, REKA BENTUK PERINDUSTRIAN DAN PETUNJUK GEOGRAFI.**

**PENINGKATAN PERMOHONAN PATEN TEMPATAN SEBANYAK 6.6 PERATUS BERBANDING TAHUN SEBELUMNYA MENUNJUKKAN BAHAWA RAKYAT MALAYSIA BERINOVASI DAN KITA BERADA DI LANDASAN YANG BETUL UNTUK MENJADIKAN MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA MAJU BERASASKAN PEMILIKAN HARTA INTELEK.**

**MANAKALA PERMOHONAN CAP DAGANGAN TEMPATAN JUGA MENINGKAT 5.1 PERATUS BERBANDING 2016, MENUNJUKKAN BAHAWA PERDAGANGAN DI MALAYSIA SEMAKIN BERKEMBANG DENGAN WUJUDNYA KEPELBAGAIAN JENAMA PRODUK DI PASARAN.**

**PADA 2017 JUGA, SEJUMLAH 39,736 PENDAFTARAN HARTA INTELEK TELAH DIKELUARKAN DENGAN PENINGKATAN SEBANYAK 4.4 PERATUS BERBANDING TAHUN SEBELUMNYA. DARIPADA JUMLAH TERSEBUT, 35 PERATUS DIMILIKI OLEH RAKYAT MALAYSIA.**

**WALAUPUN JUMLAH TERSEBUT MASIH BELUM DAPAT MENANDINGI JUMLAH PEMILIKAN WARGA LUAR NEGARA, SAYA PERCAYA, BERDASARKAN TREND PENINGKATAN PERMOHONAN**



**SETIAP TAHUN, KITA MASIH BOLEH MENCAPAI SASARAN 50 PERATUS SEKIRANYA DAPAT MENERUSKAN MOMENTUM SEDIA ADA INI UNTUK TERUS MENGHASILKAN HARTA INTELEK DENGAN SOKONGAN KERAJAAN.**

**BESAR HARAPAN SAYA UNTUK MELIHAT LEBIH BANYAK PRODUK TEMPATAN DI PERSADA DUNIA. SAMA ADA PRODUK KELUARAN TEMPATAN SEPERTI TENOM COFFEE, SABAH BATIK, BATIK TERENGGANU DAN SONGKET TERENGGANU.**

**PRODUK PERTANIAN SEPERTI TAMBUNAN GINGER, HALIA BENTONG, SARAWAK PEPPER, IKAN EMPURAU SARAWAK DAN BERAS BARIO.**

**SARAWAK PEPPER TELAH DIPASARKAN DI AMERIKA SYARIKAT, JEPUN, KOREA SELATAN DAN NEGARA-NEGARA KESATUAN EROPAH. MANAKALA IKAN EMPURAU SARAWAK TELAH MENEMBUSI PASARAN AUSTRALIA, SINGAPURA, CHINA, HONG KONG DAN TAIWAN. BEGITU JUGA BERAS BARIO YANG MENJADI PILIHAN PENGGUNA DI SINGAPURA, AUSTRALIA, CHINA, HONG KONG DAN BRUNEI.**

**BATIK TERENGGANU PULA TELAH DIPASARKAN DI SINGAPURA, BRUNEI DAN INDONESIA. SELAIN ITU, SONGKET TERENGGANU TELAH PUN MENEMBUSI PASARAN SINGAPURA, BRUNEI, AUSTRALIA DAN ENGLAND.**

**MENYEDARI POTENSI HARTA INTELEK YANG MAMPU MENJANA PENDAPATAN, KERAJAAN SENTIASA MEMBERI SOKONGAN SUPAYA HARTA INTELEK TEMPATAN DILINDUNGI DAN DIKOMERSIALKAN. OLEH ITU, KERAJAAN TELAH MENUBUHKAN BEBERAPA AGENSI UNTUK MEMBANTU PARA PEMILIK HARTA INTELEK BERDAFTAR UNTUK MENGGOMERSIALKAN PRODUK MEREKA DAN PELUANG INI PERLU DIMANFAATKAN SEBAIKNYA.**

**SAYA JUGA TELAH DIMAKLUMKAN BAHAWA MYIPO TELAH MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DENGAN KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI) YANG KINI DIKENALI SEBAGAI KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (MESTEC) BERTUJUAN MENGENALPASTI HARTA INTELEK BERDAFTAR YANG BERPOTENSI UNTUK DIKOMERSIALKAN.**

**SEHUBUNGAN DENGAN ITU, SAYA MENYERU SUPAYA PARA PEREKACIPTA, PENCIPTA DAN INOVATOR MENERUSKAN USAHA MENGHASILKAN LEBIH BANYAK HARTA INTELEK YANG BERPOTENSI UNTUK DIKOMERSIALKAN DI DALAM DAN LUAR NEGARA.**

**NEGARA-NEGARA MAJU ANTARANYA JEPUN DAN KOREA SELATAN TELAH LAMA MEMANFAATKAN HARTA INTELEK SEBAGAI PENJANA EKONOMI NEGARA. OLEH ITU, SAYA YAKIN HARTA INTELEK YANG DIKOMERSIAL DAN DIURUSKAN DENGAN**

**BAIK PASTI MEMBOLEHKAN PEMILIKNYA MENJANA  
PENDAPATAN.**

**SETERUSNYA, MENJADIKAN MALAYSIA ANTARA NEGARA  
PENGELUAR SETANDING DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU DAN  
BUKAN LAGI SEKADAR PENGGUNA HARTA INTELEK.**

**AKHIR KATA DARIPADA SAYA, DENGAN LAFAZ  
BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM SAYA MERASMIKAN SSM BIZRUN  
2018.**

**SEKIAN, WABILLAHIT TAUFIK WALHIDAYAH, WASSALAM  
MUA'LAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.**